

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT , MESYUARAT KETIGA
PENGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN
[NIBONG TEBAL]
TARIKH SOALAN : 2 DISEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 15

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan secara terperinci program TEKUN Mobile Mart dan bagaimana program ini dapat membantu usahawan tempatan khususnya di kalangan usahawan TEKUN.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Selaras dengan perkembangan perniagaan dan dengan matlamat untuk memasarkan dan membantu usahawan serta orang awam, TEKUN telah mengambil inisiatif untuk mengadakan jualan barangan keperluan harian melalui jualan bergerak. Untuk itu, TEKUN Mart Mobile telah dilancarkan pada 21 Ogos 2019, oleh Menteri Pembangunan Usahawan, YB. Dato' Seri Mohd Redzuan bin Md Yusuf.
2. TEKUN Corporation dan Koperasi Rakan TEKUN Berhad, adalah anak syarikat dan koperasi di bawah naungan/ selian pihak TEKUN Nasional yang telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan program ini. Usahasama TEKUN Corporation dan Koperasi Rakan TEKUN Berhad ini telah memperkenalkan program berkonsepkan pasar mini bergerak iaitu TEKUN Mart Mobile yang kini beroperasi menggunakan dua (2) buah lori berkapasiti 3 tan untuk barangan runcit kering dan lori berkapasiti 1 tan untuk menjual barangan basah.
3. Objektif pelaksanaan ini adalah untuk mengurangkan beban kos sara hidup pengguna, memasarkan produk-produk usahawan TEKUN secara terus tanpa orang tengah dan mendekati pengguna menggunakan konsep kedai bergerak.
4. Pelaksanaan program ketika ini merupakan projek rintis dalam mendapatkan keberhasilan model perniagaan yang berjaya dan boleh dilaksanakan oleh usahawan pada 2020. Pihak TEKUN sedang meneliti keberkesanan program ini untuk mengenalpasti impak yang

NO. SOALAN: 15

dihasilkan kepada usahawan juga termasuk impak kepada pengurangan kos sara hidup rakyat. Program ini dijangka akan digunakan sebagai model perniagaan dan akan diperluaskan kepada usahawan untuk menjalankan model perniagaan yang sama dengan bantuan pembiayaan dari TEKUN.

5. Melalui inisiatif ini, harga barangan akan dijual dengan harga yang lebih rendah antara 10% hingga 15% berbanding harga pasaran semasa. Barangan yang dibekalkan adalah dalam segmen makanan sejuk beku, barangan basah, makanan kering/berproses dan juga minuman. Selain daripada produk usahawan, TEKUN juga akan mendapatkan barang jualan daripada pemborong/pengimport untuk barangan keperluan asas seperti bawang, cili kering dan ikan bilis dengan matlamat supaya harga jualan tersebut adalah jauh lebih rendah dari harga pasaran.
6. Sehingga kini, sebanyak **332 produk** telah dipasarkan melalui konsep TEKUN Mart Mobile ini, di mana sebanyak 40% adalah daripada produk usahawan TEKUN. Pihak TEKUN juga dalam proses untuk meningkatkan lagi produk usahawan TEKUN dari masa ke semasa.
7. Melalui pelaksanaan program ini, secara tidak langsung produk usahawan TEKUN akan dapat dipasarkan secara meluas tanpa perlu mengeluarkan kos tambahan bagi aktiviti promosi dan mengatasi masalah kesukaran memasarkan produk di pasaraya-pasaraya besar.

Sekian, terima kasih.

